

22/01/1998

Teleperubatan di Hospital Pantai

Nor Liza Ahmad

SELURUH rangkaian Hospital Pantai Bhd (Hospital Pantai) akan dilengkapi dengan kemudahan perkhidmatan teleperubatan yang disediakan oleh syarikat usaha sama, WorldCare Health Malaysia Sdn Bhd (WorldCare Health) dalam tempoh tiga bulan akan datang.

WorldCare Health adalah usaha sama Tongkah Holdings Bhd dengan WorldCare Ltd (WCL) yang berpangkalan di Amerika Syarikat; Concorde Investment Ltd (CIL) dari Arab Saudi; dan Mitsubishi Corporation (Mitsubishi), Jepun.

Pengerusi Eksekutif yang juga Ketua Eksekutif Hospital Pantai, Mokhzani Mahathir, berkata kegiatan berkenaan kini masih dalam peringkat ujian dengan kerjasama Tongkah Information Resources, bagi proses menyelenggara sistem projek berkenaan.

Beliau berkata, ketika ini peringkat ujian berkenaan yang menghubungkan Hospital Pantai Klang dengan pusat perhentian WorldCare Health di Bangsar dilaksanakan bagi mengenal pasti keberkesanannya.

"Berikutan itu, latihan kemahiran mengendalikan sistem teleperubatan akan dijalankan membabitkan seluruh rangkaian Hospital Pantai," katanya selepas majlis demonstrasi teleperubatan WorldCare Health di Bangsar, semalam.

Bagaimanapun, kumpulan itu juga turut bekerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia, Cheras dalam kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi memenuhi keperluan projek teleperubatan WorldCare Health.

Menerusi kegiatan teleperubatan berkenaan, operasi perubatan dapat dikendalikan dengan mudah dan berkesan yang mana doktor pakar boleh mengenal pasti penyakit dengan menyediakan khidmat nasihat tanpa perlu berada di lokasi sebenar.

(END)